



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SELASA, 12 MAC 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



12/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	NANCY: CITIZENSHIP REFORM A WIN FOR GENDER EQUALITY		POSITIF
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/03/1186770/nancy-citizenship-reform-win-gender-equality	NST.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	EMPOWER ALL QUALIFIED WOMEN, NOT JUST FAMILY MEMBERS, SAYS NANCY		POSITIF
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/03/11/empower-all-qualified-women-not-just-family-members-says-nancy/	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.dailyexpress.com.my/news/253949/empower-all-qualified-women-not-just-family-members-says-nancy/	DAILYEXPRESS.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/03/11/sokong-semua-wanita-layak-bukan-hanya-ahli-keluarga-kata-nancy/	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=6AonTzONx4g	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	DASAR WANITA NEGARA 2025-2030		POSITIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/716933/berita/nasional/dasar-wanita-negara-2025-2030	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://negerikita.org/dasar-wanita-negara-2025/	NEGERIKITA.ORG	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	CHANCE FOR TEENS IN CHARITY HOMES		POSITIF
	https://www.dailyexpress.com.my/news/253971/chance-for-teens-in-charity-homes/	DAILYEXPRESS.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



12/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	DIDIK GADIS AUTONOMI TUBUH USAHA ATASI PERKAHWINAN BAWAH UMUR, ELAK JADI MANGSA MANIPULASI		POSITIF
	https://majoriti.com.my/berita/2025/03/11/didik-gadis-autonomi-tubuh-usaha-atasi-perkahwinan-bawah-umur-elak-jadi-mangsa-manipulasi	MAJORITI.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	JKM SARAWAK AGIH RM49.2 JUTA BANTUAN DALAM DUA BULAN		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2025/03/1371244/jkm-sarawak-agih-rm492-juta-bantuan-dalam-dua-bulan	BHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	JELAJAH WANITA MYWIRA INSPIRASI KAUM HAWA UNTUK BERKERJAYA		POSITIF
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jelajah-wanita-mywira-inspirasi-kaum-hawa-untuk-berkerjaya-512009	ASTROAWANI.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	BANJIR SEMAKIN REDA, TIGA PPS DI TRUSAN DITUTUP		POSITIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/03/11/banjir-semakin-reda-tiga-pps-di-trusan-ditutup	UTUSANBORNEO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



12/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	70 PERATUS WANITA DI SELANGOR BEKERJA, MAJORITI SUMBER MANUSIA, PERKHIDMATAN		NEUTRAL
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1195829/70-peratus-wanita-di-selangor-bekerja-majoriti-sumber-manusia-perkhidmatan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1371386/hampir-70-peratus-wanita-di-selangor-bekerja	BHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/03/11/tekanan-ekonomi-punca-wanita-kembali-ke-dunia-pekerjaan-amirudin/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2401271	BERNAMA.COM	
	https://www.utusan.com.my/berita/2025/03/tujuh-daripada-10-wanita-di-selangor-bekerja/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	ANGGOTA POLIS TAK MENGAKU CABUL JURUGAMBAR WANITA DENGAN ISYARAT LUCAH		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/03/1371367/anggota-polis-tak-mengaku-cabul-jurugambar-wanita-dengan-isyarat-lucah	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/717084/berita/semasa/buat-isyarat-lucah-anggota-polis-didakwa-aib-kehormatan-jurugambar-wanita	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/11/cop-charged-with-making-obscene-gesture-at-woman-photographer	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	PREMATURE BABY FOUND DEAD IN HOSPITAL BABY HATCH		NEGATIF
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/03/1186568/premature-baby-found-dead-hospital-baby-hatch	NST.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1195637/polis-cari-individu-letak-bayi-perempuan-di-pusat-perlindungan-bayi	HMETRO.COM.MY	



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



12/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	CABUL ADIK KENALAN SENDIRI, PEKERJA KONTRAK DIPENJARA 3 TAHUN		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/03/1371317/cabul-adik-kenalan-sendiri-pekerja-kontrak-dipenjara-3-tahun	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1195804/cabul-adik-kenalan-pekerja-kontrak-dijel-3-tahun	HMETRO.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/03/1186810/youth-gets-3-years-jail-molesting-friends-sister	NST.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Nancy: Citizenship reform a win for gender equality



By Qistina Sallehuddin - March 11, 2025 @ 3:31pm



Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said it's a major step forward for gender equality after the granting of citizenship to overseas-born children. BERNAMA PIC

KUALA LUMPUR: The granting of Malaysian mothers the right to confer citizenship to their overseas-born children under 18 was a major step forward for gender equality, said Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri.

Nancy said the settlement between advocacy group Family Frontiers, six Malaysian mothers and the federal government, which was heard in the Federal Court yesterday, reflected the government's commitment to real and meaningful reforms.

"Every mother deserves the same rights as fathers when it comes to their children's nationality.

"I fully support the government's decision to allow Malaysian mothers to pass on their citizenship to their overseas-born children under 18.

"This positive change is a direct result of the recent amendment to the Federal Constitution. More importantly, it marks an important step forward for gender equality in Malaysia," she told the 'New Straits Times'.

Children under the age of 18, born overseas to Malaysian mothers, can now apply for Malaysian citizenship.

This follows the settlement between Family Frontiers, the mothers and the federal government over their appeal concerning the citizenship of their overseas-born children.

The appeal stemmed from a High Court ruling in September 2021 that initially favoured the mothers but was later overturned by the appellate court in a 2-1 decision on Aug 5, 2022.

Under the terms of the consent order, children under 18, born overseas before the enforcement of the Constitutional (Amendment) Act 2024, to a Malaysian mother and a non-citizen father, may apply for Malaysian citizenship under Article 15(2) of the Federal Constitution.

Currently, Article 15(2) allows children under 21 with at least one Malaysian parent to be registered as citizens. The child will be granted citizenship if their application meets the requirements of Article 26(1), follows the procedures under Article 15(2) and includes supporting documents as stipulated by the Constitutional (Amendment) Act 2024.

Article 26(1) states that no person shall be deprived of their citizenship except in accordance with the law.

Following the settlement, Family Frontiers has also called on the government to immediately implement the Constitutional (Amendment) Act 2024, an amendment to citizenship laws passed by both the Dewan Rakyat and Dewan Negara last year.

The group said further delays would continue to place a burden on Malaysian mothers abroad.

The Development of Human Resources for Rural Areas Malaysia social protection director Maalini Ramalo also said while the resolution of citizenship issues was a step forward, efforts to expedite approvals must be strengthened to prevent delays for these mothers and their children.

The NST has reached out to Home Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail for comments on the matter.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Empower all qualified women, not just family members, says Nancy

Natasha Busti - 11 Mar 2025, 08:30 AM

Nancy Shukri says the gender disparity in leadership is worsened by predominantly male leaders being unaware of the challenges faced by women.



Women, family and community development minister Nancy Shukri wants male leaders to support the rise of women into leadership positions.

PETALING JAYA: Women, family and community development minister Nancy Shukri wants women leaders across the country to lend their full support to all women pursuing leadership roles, rather than merely those from their own families.

In an exclusive interview with FMT, Nancy said some women, especially those in political leadership, tend to prioritise their children's careers over those of other qualified women.

The practice has intensified the disparity in leadership roles between men and women, she said.

Female representation is notably low in Malaysian politics, with only 30 women among the 222 MPs in the Dewan Rakyat.

"We need more qualified women who can speak for the country and for women. We cannot just think of our own children. If they are good, they will make it to these roles on their own," said Nancy.

"If we don't advocate for women, who is going to do it for them?"

Nancy added that the situation has been exacerbated by the fact that men tend to dominate leadership positions in the country. Many of these men are unaware of the challenges faced by women, she said.

She called for male allies to support the nurturing and promotion of women to higher positions.

"I want to see new young women leaders in various fields so they can help to motivate and inspire others.

"This will help young women, especially university students, feel that there are opportunities available," she said.

Meanwhile, Nancy's ministry is doing its part to attract more women to the workforce by enhancing caregiver training across the country, to allow female members of the workforce to better balance their career and family responsibilities.

She said the increased availability of competent professional caregivers would allow more women to advance in their careers.

This initiative not only broadens employment opportunities for women but also helps integrate them back into the workforce, creating a cycle of empowerment and economic growth, she said.

Since 2018, the ministry has been actively developing the caregiving industry through a series of workshops.

As at May last year, it had successfully trained 655 caregivers.

The programmes offer both practical and theoretical modules, ensuring a well-rounded education that is essential for effective caregiving.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Dasar Wanita Negara 2025-2030

11 Mac 2025 09:30am



Anwar (tiga dari kiri) melancarkan Dasar Wanita Negara 2025-2030 sempena sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur, di sini pada Sabtu.

KUALA LUMPUR – Dasar Wanita Negara 2025-2030 diperkenalkan sebagai kesinambungan usaha memartabatkan peranan wanita dalam pelbagai sektor seiring dengan pembaharuan Dasar Sosial Negara 2030 dan keperluan menangani cabaran serta isu semasa berkaitan wanita.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, ia diberi nafas baharu dalam memastikan wanita di negara ini mendapat peluang yang adil dan saksama dalam bidang ekonomi, kepimpinan, keselamatan dan kesejahteraan.

Menurutnya, sebelum dasar ini dirangka, pelbagai perbincangan telah diadakan bagi menentukan keperluan serta peruntukan bajet demi memastikan inisiatif tersebut dapat dilaksanakan dengan berkesan.

"Banyak pecahan dalam dasar ini tetapi lebih kepada ekonomi masyarakat terutama golongan wanita. Sebelum ada dasar ini kita telah banyak bincang apa yang perlu kita letakkan bajet untuk pertama sekali.

"Kita nak bantu perkasa wanita terutama mereka yang terlibat dalam keganasan rumah tangga dan menyokong mereka agar lebih kuat untuk menanganinya. Ini tujuan kita perbaharu dasar," katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Perasmian Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 di sini pada Sabtu.

Majlis perasmian sambutan berkenaan berlangsung di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang kemudian turut melancarkan Dasar Wanita Negara 2025-2030.

Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 merupakan anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) menerusi Jabatan Pembangunan Wanita (JPW).

Antara aktiviti utama yang dianjurkan oleh JPW sempena sambutan tersebut adalah kempen kesedaran dan advokasi, forum serta sesi dialog bersama-sama pemimpin wanita dan pakar dalam pelbagai bidang, diskusi berkaitan aspek kepimpinan, ekonomi dan kesejahteraan wanita.

Beliau turut menegaskan pelaksanaan dasar itu perlu disertai dengan tindakan tegas termasuk hukuman kepada pelaku keganasan rumah tangga.

Jelasnya, oleh sebab itu kerjasama masyarakat dalam membina kesedaran berhubung hak dan perlindungan wanita adalah sangat penting.

"Kami mahu orang ramai bersama-sama memainkan peranan. Bukan sekadar bercakap, tetapi perlu ada tindakan yang jelas dan pelaksanaan yang berkesan.

"Dasar ini akan disusuli pelan tindakan yang komprehensif, dengan beberapa inisiatif tambahan akan diperhalusi bagi memastikan setiap wanita, terutama mereka yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga mendapat perlindungan dan sokongan yang sewajarnya.

"Kita juga adakan kerjasama dengan syarikat swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan kementerian lain yang mana dasar mereka perlu mengambil kira terhadap wanita. Ini kerana isu berkaitan wanita bukan hanya menjadi tanggungjawab satu kementerian sahaja," ujarnya.

Wanita mampu realisasi impian

Sementara itu, Nancy memberitahu, Sambutan Hari Wanita Antarabangsa tahun ini bertepatan "Wanita Beraspirasi, Membina Legasi".

Katanya, tema itu dipilih untuk menegaskan bahawa wanita bukan hanya bermimpi besar tetapi mampu merealisasikan impian mereka dalam pelbagai bidang.

"Wanita Beraspirasi mencerminkan keberanian, tekad dan keinginan mereka untuk mencapai kecemerlangan dalam apa jua bidang yang diceburi.

"Membina Legasi menandakan sumbangan besar dan impak wanita dalam membentuk masa depan masyarakat dan negara. Tema ini selari dengan aspirasi Malaysia Madani, yang menekankan pembangunan yang inklusif, mampan dan adil untuk semua rakyat Malaysia," jelasnya.

Beliau berkata, prasambutan itu dilaksanakan secara berperingkat melibatkan Zon Borneo pada 11 Februari lepas, diikuti Zon Timur (18 Februari), Zon Selatan (24 Februari), Zon Tengah (25 Februari) dan diakhiri Zon Utara (26 Februari), dengan anggaran seramai 500 hingga 1,000 peserta terlibat dalam setiap sambutan pada peringkat zon.

"Kita berbangga kerana program ini mendapat sokongan padu daripada rakan-rakan strategik termasuk agensi kerajaan negeri, Pos Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dan sebagainya.

"Malaysia Madani tidak akan lengkap tanpa penyertaan dan sumbangan wanita dalam pelbagai aspek pembangunan negara," ujarnya.

Setem khas bertepatan wanita



Petugas Pos Malaysia, Nurul Hasanah, 34, menunjukkan Setem Hari Wanita Antarabangsa Tahun 2025 yang dilancarkan di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur.

Dalam pada itu, Nancy menjelaskan KPWK menerusi JPW turut mengadakan kerjasama dengan Pos Malaysia Berhad (Pos Malaysia) menghasilkan setem khas sempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 sebagai tanda meraikan wanita.

Nancy berkata, idea penghasilan setem itu tercetus daripada pasukan JPW yang ingin memberi kelainan pada sambutan tahun ini.

"Ini adalah kali pertama kementerian bekerjasama dengan Pos Malaysia dalam menghasilkan setem bertepatan wanita.

"Produk baharu ini mempamerkan wajah wanita yang boleh mengingatkan dunia mengenai peranan dan kepentingan mereka dalam masyarakat," ujarnya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Pelancaran Setem Hari Wanita Antarabangsa 2025 di Pusat Dagangan Dunia (WTC), di sini pada Sabtu.

Antara produk yang terkandung di dalam keluaran setem ini adalah dua reka bentuk setem yang disebut sebagai setem 'se-tenant' iaitu ia dicantumkan dalam satu lembaran setem dengan denominasi setem bernilai RM1.30 setiap satu.

Selain itu, sampul surat hari pertama dengan cap tarikh istimewa iaitu menggunakan logo Hari Wanita Antarabangsa 2025, poskad dan folder.

Harga set folder lengkap bagi keluaran setem ini adalah RM38.10.

Tambah Nancy, pelbagai program telah dilakukan bagi memastikan wanita terutama golongan muda tidak rasa ditinggirkan.

"Sebagai kementerian KPWK, kita harus memperkasa wanita, dalam masa sama mahu melahirkan lebih ramai pemimpin dalam kalangan mereka tidak kira apa jua bidang sama ada ekonomi, sosial serta politik.

"Politik ini agak kurang sikit, jadi kita nak tambah lagi. Selain itu, kementerian juga ada menyediakan pelbagai program yang membuka peluang kepada lebih ramai wanita untuk berjaya terutama golongan muda.

"Kita tidak mahu wanita muda fikir kerajaan meminggirkan mereka. Jadi, menerusi program yang disediakan dapat membantu mereka pada masa hadapan," ujarnya.

Beliau turut memberitahu kali ini pihaknya juga membawa seramai mungkin rakan strategik untuk membantu dan mendedahkan produk usahawan wanita menerusi pameran yang disediakan sempena Hari Wanita Antarabangsa 2025 yang berlangsung di WTC," jelasnya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Chance for teens in charity homes

Published on: Tuesday, March 11, 2025



Also present was the Minister of Domestic Trade and Cost of Living Datuk Armizan Ali, who is also the Papar MP, along with Bank Rakyat chairman Datuk Mohd Irwan Mohd Mubarak.

KOTA KINABALU: The Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives is ready to collaborate with the Ministry of Women, Family and Community Development to nurture entrepreneurial talent among youth and teenagers residing in welfare homes.

Its minister Datuk Ewon Benedick welcomed proposals from welfare centres, particularly children's homes, to identify residents with an interest and potential in entrepreneurship.

"I welcome proposals from welfare centres, especially children's homes, if there are residents who have the talent and passion for entrepreneurship that can be developed during their stay," he said to the media after the Madani Community Outreach Programme, Donation Handover Ceremony, and Bazar Kasih Ramadan at the Kota Kinabalu Children's Home in Beringis Saturday.



Ewon said that his ministry provides various entrepreneurship schemes, including the Bumiputera Youth Entrepreneur Startup Programme (Tube), which can be utilised to help young people develop their business skills.

"With the availability of these entrepreneurial schemes at the ministry, we can provide the necessary support. This is part of our role and responsibility in developing young entrepreneurs," he said.

While there is already existing cooperation between both ministries, he emphasised that these efforts can be further strengthened, particularly for children's homes.

"What is relevant in the context of entrepreneurship, we can channel accordingly to young individuals or residents of welfare homes.

"Therefore, I welcome proposals from the principals of children's homes as they are more familiar with the residents who can be groomed to complement the ministry's efforts in producing more young entrepreneurs," he added.

He expressed hope that this initiative would provide long-term benefits to children's home residents and help them build a brighter future in entrepreneurship.

Regarding the programme, Ewon stated that Bank Rakyat contributed RM10,000 to the Kota Kinabalu Children's Home and RM6,000 to the As-Sakinah Orphanage.

"I appreciate Bank Rakyat's initiative in carrying out this corporate social responsibility programme to assist those in need. May this help fulfil their requirements and bring joy to the children in both homes," he said.

Also present was the Minister of Domestic Trade and Cost of Living Datuk Armizan Ali, who is also the Papar MP, along with Bank Rakyat chairman Datuk Mohd Irwan Mohd Mubarak.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Didik gadis autonomi tubuh usaha atasi perkahwinan bawah umur, elak jadi mangsa manipulasi

Oleh NUR IFITIAH ROZLAN (TERJEMAHAN)

Selasa, 11 Mac 2025
11:54 AM MYT



Gadis muda perlu diajar tentang autonomi tubuh mereka dan kepentingan persetujuan dalam segala hal.

PERKAHWINAN melibatkan kanak-kanak dan remaja dikenal pasti sebagai salah satu faktor utama menyumbang pada peningkatan kadar keciciran murid di Malaysia.

Data Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) daripada Kementerian Pendidikan (KPM) menunjukkan faktor tersebut sebagai punca utama peningkatan keciciran murid dari 2019 hingga 2023.

Pesuruhjaya Kanak-Kanak Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam), Dr. Farah Nini Dusuki berkata, cadangan undang-undang yang mewajibkan pendidikan menengah adalah langkah penting dalam usaha mengurangkan perkahwinan bawah umur.

Namun tegas beliau, melindungi gadis-gadis muda yang terdedah dengan perkahwinan bawah umur memerlukan usaha daripada pelbagai pihak.

"Pendidikan hanyalah satu aspek dalam usaha ini," katanya.

Beliau yang juga pensyarah kanan di Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya berkata, Pelan Strategi Kebangsaan bagi menangani punca perkahwinan bawah umur yang dilancarkan pada 2020 dan bakal tamat pada tahun ini, harus diteruskan.



Tegas Farah Nini, melindungi gadis-gadis muda yang terdedah dengan perkahwinan bawah umur memerlukan usaha daripada pelbagai pihak.

Pelan itu memberi tumpuan pada faktor utama yang menyumbang kepada perkahwinan kanak-kanak termasuk kemiskinan, kekurangan akses pendidikan kesihatan seksual dan reproduktif, kemahiran keibubapaan serta masalah ketidakhadiran sekolah yang teruk.

Di Malaysia, undang-undang mengenai perkahwinan bergantung kepada agama dan negeri tempat tinggal seseorang.

Bagi umat Islam, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303) menetapkan umur minimum perkahwinan bagi perempuan adalah 16 tahun dan bagi lelaki 18 tahun, kecuali jika mendapat kebenaran bertulis daripada hakim Syariah.

Sementara itu, bagi perkahwinan antara lelaki dan wanita bukan Islam, Akta Reformasi Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164) menetapkan umur minimum bagi kedua-duanya adalah 18 tahun, namun perempuan yang berumur 16 tahun ke atas dibenarkan berkahwin dengan lesen khas daripada menteri besar.

Umur minimum

Pada 2022, Selangor dan Kedah telah meminda undang-undang negeri mereka untuk menaikan umur minimum perkahwinan bagi perempuan kepada 18 tahun.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memberitahu, sebuah jawatankuasa pemantauan akan menilai Pelan Strategi Kebangsaan tersebut sebelum keputusan akhir mengenai pelan baharu dilaksanakan.

Sementara itu, aktivis kanak-kanak dan pengasas Yayasan Chow Kit, Datuk Dr. Hartini Zainudi berkata, kajian menunjukkan untuk setiap tahun tambahan pendidikan menengah yang diterima oleh remaja perempuan, tahap kebarangkalian mereka berkahwin sebelum umur 18 tahun menurun sebanyak lima hingga enam peratus.

Beliau turut menegaskan pentingnya penguatkuasaan yang lebih ketat terhadap undang-undang umur minimum perkahwinan di seluruh negara, bersama-sama dengan peningkatan akses kepada pendidikan menengah berkualiti dalam pelan strategik yang akan datang.



Pendidikan seks komprehensif perlu diberikan kepada gadis muda di sekolah.

Pendidikan seks komprehensif

Pengarah Eksekutif Pertubuhan Bantuan Wanita (WAO), Nazreen Nizam berkata, pendidikan seks komprehensif (CSE) perlu diberikan kepada gadis muda di sekolah.

Jelas beliau, apabila golongan tersebut diberi maklumat mengenai tubuh mereka termasuk impak perkahwinan awal, mereka akan lebih cenderung untuk mengutamakan pendidikan berbanding berkahwin dan berhenti sekolah.

"Gadis muda lebih terdedah kepada manipulasi dan paksaan kerana mereka mungkin tidak sepenuhnya memahami kesan aktiviti seksual atau perlindungan undang-undang yang tersedia untuk mereka," jelasnya.

Nazreen turut menekankan kepentingan mengajar gadis muda tentang autonomi tubuh mereka dan kepentingan persetujuan dalam segala hal.

"Persetujuan harus diberikan dengan bebas, boleh ditarik balik, dimaklumkan dan spesifik.

Dalam pada itu, Dr. Farah Nini menambah, pendidikan seks komprehensif yang diajar dengan berkesan dapat membantu mencegah gadis muda daripada terjerumus dalam masalah kehamilan luar nikah.

"Walaupun terdapat kandungan CSE di sekolah rendah dan menengah, masih terdapat persoalan mengenai sama ada kanak-kanak benar-benar mendapat manfaat sepenuhnya daripada pendidikan tersebut," katanya. — *The Star*

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



JKM Sarawak agih RM49.2 juta bantuan dalam dua bulan

Oleh Mohd Roji Kawi - Mac 11, 2025 @ 1:56pm
mdroji@bh.com.my



Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti, Datuk Seri Fatimah Abdullah- Foto ihsan JKM

KUCHING : Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak (JKMS) menyalurkan sebanyak RM49.2 juta kepada 54,384 penerima bantuan bulanan dalam tempoh dua bulan pertama, tahun ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti, Datuk Seri Fatimah Abdullah berkata, bantuan warga emas (BWE) mencatat jumlah tertinggi iaitu sebanyak RM25.5 juta yang diagih kepada 21,164 penerima.

Bantuan kanak-kanak (BKK) pula berjumlah RM5.4 juta yang diagih kepada 6,540 penerima, bantuan am (BA) sebanyak RM4.5 juta (9,889 penerima), elaun pekerja kurang upaya (EPOKU) berjumlah RM3.06 juta (3,413 penerima) dan bantuan penjagaan OKU/pesakit kronik terlantar (BPT) berjumlah RM6.6 juta.

Bantuan OKU tidak bekerja pula berjumlah RM1.1 juta (11,053 penerima), bantuan anak pelihara (BAP) sebanyak RM14,000 (23 penerima) manakala bantuan belia pula sebanyak RM400 yang diagih kepada lapan penerima.

"Bantuan berjumlah RM49.2 juta itu hanya untuk bantuan yang diagihkan pada Januari dan Februari tahun ini dengan yang tertinggi adalah bantuan untuk warga emas.

"Kita jangka apabila Sarawak menjadi negeri menua pada 2028, warga emas yang menerima bantuan bulanan juga akan meningkat, namun pada masa yang sama kita berharap pendapatan isi rumah juga akan meningkat ketika itu sekali gus mengurangkan jumlah warga emas yang memerlukan bantuan kebajikan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Sejambak Kasih Aidilfitri 2025 di sini, hari ini.

Seramai 150 orang penerima bantuan kebajikan menerima sumbangan wang tunai bernilai RM100 beserta sumbangan hamper barangan makanan yang bernilai RM80 pada majlis itu.

Fatimah berkata, secara keseluruhan seramai 16,118 penerima bantuan kebajikan seluruh Sarawak disenaraikan menerima sumbangan Sejambak Kasih Aidilfitri.

"Bagi mereka yang tidak berpeluang untuk hadir pada majlis hari ini, sumbangan akan dikreditkan ke akaun masing-masing," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Jelajah Wanita MyWira inspirasi kaum Hawa untuk berkerjaya

Astro Awani
11/03/2025 16:10 MYT



Menteri Besar Selangor, Datuk Sri Amirudin Shari (empat dari kanan) dan Menteri KESUMA, Steven Sim Chee Keong (empat dari kiri) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU). - Foto Astro AWANI

SHAH ALAM: Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) bekerjasama dengan Wanita Berdaya Selangor (WBS) untuk memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi menjayakan program Jelajah Wanita MyWira.

Jelajah ini bertujuan memperluaskan peluang pekerjaan dan pembangunan kerjaya wanita di Selangor, melengkapkan mereka dengan kemahiran yang diperlukan bagi menceburi industri secara kompeten.

Menteri Besar Selangor, Datuk Sri Amirudin Shari dalam ucapannya berkata Kerajaan Selangor menyokong inisiatif digerakkan WBS dan TalentCorp yang bernaung di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA).

"Kerjasama ini bertepatan pada masanya untuk memastikan wanita di Selangor, khususnya golongan berpendapatan rendah dan sederhana boleh mendapat sokongan bagi berkembang maju.

"Ia selaras dengan dedikasi Kerajaan Selangor untuk memperkasa wanita melalui penyertaan ekonomi," katanya ketika menghadiri Konvensyen Wanita MyWira 2025 di Pusat Konvensyen Ideal Shah Alam, Selangor pada Selasa.

Tambah beliau, lebih memberangsangkan apabila Selangor mencatatkan 67.9 peratus penglibatan wanita dalam sektor pekerjaan, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

"Berkemungkinan pencapaian tertinggi untuk seluruh negeri di Malaysia. Alhamdulillah di Selangor kita sudah berjaya pecahkan stigma bahawa wanita tidak perlu bekerja.

"Sebahagiannya kerana tuntutan ekonomi di negeri Selangor," ujarnya.

Jelajah Wanita MyWira dijadualkan bermula dari April hingga November 2025 meliputi 56 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di Selangor.

Antara bentuk sokongan yang disediakan dalam jelajah ini adalah platform sesi libat urus, pembangunan kemahiran dan sokongan penyertaan tenaga kerja untuk wanita di semua peringkat.

Sementara itu, Menteri KESUMA, Steven Sim Chee Keong berkata kementeriannya menyasarkan untuk memperkasa 1.4 juta wanita rakyat Malaysia yang bekerja.

"Kami menawarkan beberapa insentif seperti syarikat yang mengambil pekerja wanita akan diberikan potongan cukai.

"Seterusnya mempromosikan insentif Kerajaan MADANI yang lain, contohnya aturan kerja anjal atau *flexible working hour*, ia mampu menguntungkan wanita bekerja yang berkeluarga," kata Steven.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Banjir semakin reda, tiga PPS di Trusan ditutup

© March 11, 2025, Selasa - 2:58pm



APM Lawas mengemas peralatan selepas PPS di Trusan, Lawas ditutup semalam.

LAWAS: Tiga Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Trusan ditutup semalam, menurut Pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah Lawas yang juga Pegawai Daerah Lawas Ladin Atok dalam satu kenyataan.

PPS terlibat adalah PPS Dewan Masyarakat Trusan, PPS Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Chung Hwa dan PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Lintang.

"Kesemua mangsa dibenarkan pulang ke rumah masing-masing dan kerja pembersihan PPS dilakukan bersama agensi bertanggungjawab iaitu Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Lawas, RELA dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) Lawas," katanya.

Ladin berterima kasih atas penglibatan semua agensi bertanggungjawab iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Bahagian Limbang, APM, PDRM, RELA, Baitulmal Lawas, Bomba Lawas dan semua yang terlibat dalam memastikan kebajikan mangsa terjejas banjir terbelah.

Terdahulu, tiga PPS tersebut menempatkan 139 mangsa banjir dari lapan kampung di Trusan pada Sabtu.

Pegawai Pertahanan Awam Daerah Lawas Leftenan Pertahanan Awam Maradona Tatah berkata, seramai 174 individu melibatkan 44 keluarga yang ditempatkan di tiga PPS tersebut telah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing berikutan keadaan banjir yang semakin reda.

Kampung Seberang Kedai, Kampung Masjid, Kampung Gelapas serta Kampung Lintang merupakan antara 11 kampung di sekitar Trusan yang dinaiki air sejak Jumaat lepas akibat hujan berterusan tanpa henti.

Sementara itu di Limbang, PPS Dewan Masyarakat Medamit ditutup pada jam 12.30 tengah hari kelmarin.

Pegawai Pertahanan Awam Daerah Limbang Kapten Pertahanan Awam Bonnie Madisun dalam kenyataannya berkata, 173 individu daripada 53 keluarga yang ditempatkan di PPS tersebut telah dibenarkan pulang.

PPS Dewan Masyarakat Medamit mula diaktifkan pada Sabtu lalu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



70 peratus wanita di Selangor bekerja, majoriti sumber manusia, perkhidmatan

Norzamira Che Noh
am@hmetro.com.my



AMIRUDIN dan Steven Sim (kiri) pada sidang media selepas merasmikan Konvensyen Wanita MyWira 2025 di IDCC Shah Alam. FOTO Faiz Anuar.

Shah Alam: Sebanyak 69.7 peratus atau tujuh daripada 10 wanita di Selangor menyertai sektor pekerjaan berdasarkan rekod Jabatan Perangkaan Malaysia.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata jumlah itu selain dipengaruhi keperluan kepakaran dan bakat, ia turut disumbang oleh faktor tekanan ekonomi yang memerlukan kedua-dua pasangan suami atau isteri bekerja.

Beliau berkata, majoriti wanita di negeri ini bekerja di bahagian sumber manusia, pembuatan serta perkhidmatan.

Katanya, penyertaan wanita dalam sektor kritikal seperti kejuruteraan dan kepimpinan bagaimanapun masih berada di tahap yang rendah.

"Kita sudah melepasi 69 peratus dan ia adalah petanda ia bukan lagi satu *dogma* atau sebagai perkara *taboo* untuk wanita menyertai sektor pekerjaan.

"Cumanya, sekarang kita perlu pertingkatkan bagaimana sektor tertentu, layanan wanita di tempat kerja dan sebagainya," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Jelajah Wanita MyWira 2025 Selangor, di sini, hari ini.

Terdahulu, beliau bersama Menteri Sumber Manusia, Steven Sim menyaksikan pemeteraian perjanjian persefahaman (MoU) antara TalentCorp dan Wanita Berdaya Selangor (WBS).

Turut hadir Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat, Anfaal Saari.

Dalam pada itu, Amirudin berkata melalui kerjasama berkenaan, kerajaan negeri bersama Kementerian Sumber Manusia (Kesuma) akan melaksanakan Jelajah Wanita MyWira 2025 di kesemua 56 Dewan Undangan Negeri (DUN) pada April hingga November ini.

"Ia bertujuan memberikan kemahiran, peluang pekerjaan dan sokongan pengintegrasian wanita dalam tenaga kerja selain fokus kepada bengkel latihan kemahiran, insentif tenaga kerja dan kebolehpasaran pekerjaan dan menyediakan peluang penempatan pekerjaan," katanya.

Sementara itu, Steven Sim berkata, melalui program itu pihaknya akan mendekati wanita berusia antara 20 hingga 44 tahun dalam usaha mencapai sasaran 1.4 juta golongan itu menyertai sektor pekerjaan.

"Ia termasuk program jelajah yang kita lakukan, latihan, bengkel dan sebagainya. Jadi kita akan keluar dan memperluaskan lagi capaian kita," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Anggota polis tak mengaku cabul jurugambar wanita dengan isyarat lucah

Oleh Bernama - Mac 11, 2025 @ 4:08pm



Aksi lucah seorang anggota polis yang tersebar di media sosial pada Disember lalu

KUALA LUMPUR: Seorang anggota polis mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret hari ini atas pertuduhan mencabul kehormatan seorang jurugambar wanita dengan isyarat lucah pada Disember tahun lepas.

Tertuduh, Lans Koperal Muhammad Faris Ariffin Tait, 33, didakwa melakukan perbuatan itu terhadap seorang wanita berusia 26 tahun di hadapan sebuah bangunan di Jalan Tun Razak pada 3.58 petang pada 13 Disember 2024.

Dia didakwa mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum lima tahun, denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya, Vivi' Asnita Zaina' Larifin, mencadangkan jaminan RM7,000 dengan seorang penjamin.

Bagaimanapun, Muhammad Faris yang diwakili peguam bela, Tripatjit Singh, merayu jaminan yang lebih rendah, dengan alasan anak guamnya adalah seorang anggota polis dan tiada risiko melarikan diri.

"Anak guam saya menanggung keluarga termasuk ibu dan bapanya. Isteri tertuduh juga tidak bekerja dan mereka mempunyai seorang anak. Mohon jumlah jaminan yang minimum," katanya.

Majistret, MS Arunjothy, membenarkan tertuduh diikat jamin RM3,500 dengan seorang penjamin dan menetapkan 14 Mei ini untuk sebutan kes.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Premature baby found dead in hospital baby hatch

By T.n. Alagesh - March 11, 2025 @ 9:59am



File pic for illustrative purposes only.

KUANTAN: The body of a premature baby girl was found in a hospital baby hatch by a nurse on March 9.

A 36-year-old nurse on duty found the body of a child, believed to be about seven months old, after the baby hatch alarm went off at 2.45pm.

Kuantan police chief Assistant Commissioner Wan Mohd Zahari Wan Busu said the nurse had rushed to inspect the baby hatch along with a colleague when they heard the alarm and found the child motionless.

"The baby was taken to the hospital's emergency department where the medical team attempted to resuscitate the child but failed. The hospital alerted the police about the incident and the remains were sent to Tengku Ampuan Afzan Hospital for a post-mortem.

"Police have recorded the statement from several people and are now tracking down the individual responsible for leaving the baby in the hatch. We acquired CCTV footage from the scene to help with investigations," he said in a statement today.

Wan Mohd Zahari said the case is being investigated for intentionally preventing a child from being born alive or causing it to die after birth.

The offence, under Section 315 of the Penal Code, carries a penalty of up to 10 years' imprisonment, a fine, or both.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Cabul adik kenalan sendiri, pekerja kontrak dipenjara 3 tahun

Oleh Alias Abd Rani - Mac 11, 2025 @ 3:06pm
bhnews@bh.com.my



Pekerja kontrak berusia 19 tahun dijatuhkan hukuman penjara tiga tahun selepas mengaku salah atas dakwaan melakukan amang seksual fizikal terhadap adik rakan sendiri di Tangkak, bulan ini. - NSTP/ Alias Abd Rani

MUAR: Seorang pekerja kontrak dijatuhkan hukuman penjara tiga tahun di Mahkamah Sesyen, di sini selepas mengaku salah atas dakwaan melakukan amang seksual fizikal terhadap adik rakan sendiri di Tangkak, bulan ini.

Tertuduh, 19, membuat pengakuan itu sebaik kesalahan yang didakwa dilakukan di sebuah rumah di Tangkak antara jam 3 hingga 5 pagi, 7 Mac lalu dibacakan di hadapan Hakim Sayani Mohd Nor.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017 yang mana jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan sebatan.

Berdasarkan fakta kes, polis menerima laporan daripada mangsa pada 8 Mac lalu mendakwa diperlakukan sedemikian oleh tertuduh.

Siasatan mendapati, tertuduh dengan abang mangsa adalah kenalan baik dan mereka kerap bertandang ke rumah remaja itu.

Malah, mangsa dan tertuduh turut mengenali satu sama lain kerana mereka juga pernah menjadi pasangan kekasih sebelum ini.

Pada hari kejadian, mangsa sedang tidur atas sofa di ruang tamu dengan tertuduh masuk ke dalam rumah untuk menggunakan tandas sebaliknya mendekati mangsa dan melakukan perbuatan itu.

Mangsa menceritakan perbuatan tertuduh kepada teman lelakinya sebelum dinasihatkan membuat laporan polis.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Othman Affan Ismail, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh menjalani pengawasan polis setahun sebaik selesai tahanan.